



**Keluaran Urusetia Local Action 21 (LA 21)
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam.
Tel: 04 5497555 Faks: 04 5389700**

www.mps.gov.my

ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2019

**Peringkat Seberang Perai
Penganjur Utama**



**Penganjur Bersama
Dan Penaja Utama**

Continental

Continental Automotive
Components (Malaysia) Sdn Bhd, Perai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Disokong oleh



Kerajaan Negeri Pulau Pinang



(5) Persembahan (10 markah)			
1	Adakah sekolah mempunyai visi dan misi Hijau?	Ya/ Tidak	2
2	Adakah sekolah mempunyai carta organisasi/ ahli jawatankuasa bagi program-program Hijau? Nota: Mesti mempunyai gabungan pelajar dan kakitangan sekolah	Ya/ Tidak	2
3	Adakah sekolah mempunyai objektif pelaksanaan Sekolah Hijau?	Ya/ Tidak	2
4	Adakah sistem pemantauan terhadap program-program Hijau dilaksanakan di sekolah?	Ya/ Tidak senarai semak (2m) minit mesyuarat mesti ditunjukkan (2m)	4
			10
JUMLAH MARKAH			100

ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2019

Visi: Sekolah Hijau Penggerak Kelestarian Alam Sekitar.

Misi:- Berusaha berterusan bersama MPSP bagi merealisasikan amalan "Smart Consumption" 8R iaitu Rethink, Refuse, Re-use, Reduce, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle demi generasi akan datang.

Program anugerah sekolah hijau ini dibentuk sebagai program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Seberang Perai.

Tujuan program ini ialah menerima pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalak penambahbaikan berterusan. Ia perlu diberi tumpuan kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan lain-lain lagi.

Pelajar bekerja sebagai satu pasukan untuk mengaudit dan kemukakan laporan mengenai usaha-usaha penjagaan alam sekitar termasuk rancangan penambahbaikan.

Sekolah yang berminat untuk menyertai program ini dikehendaki melengkapkan borang penyertaan dengan mencatatkan tajuk program, projek atau aktiviti sekolah yang bakal berlangsung dalam masa tahun 2019. Projek alam sekitar yang masih ataupun sedang dijalankan di sekolah anda juga layak menyertai Anugerah Sekolah Hijau.

Semua projek mesti melebihi 90% siap pada minggu pertama bulan Julai 2019.

Berdasarkan kepada laporan, anugerah akan diberi kepada dua kategori iaitu untuk Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Sekumpulan juri akan membuat semakan serta penghakiman dan peserta-peserta akhir akan dipilih berdasarkan kriteria-kriteria pertandingan, mutu dan kecemerlangan yang dipaparkan dalam usaha menjaga alam sekitar.

Pihak penganjur akan melawat ke tapak untuk memeriksa dan memberi cadangan untuk peningkatan kualiti alam sekitar.

Pihak penganjur memainkan peranan dalam khidmat mendidik, khidmat nasihat kepada sekolah yang berminat untuk menyertai program ini. Dalam erti kata lain, pihak penganjur akan membantu pihak sekolah dalam hal seperti berikut :-

****Sijil anugerah guru dan pelajar yang mengamalkan sisa sifar dengan cemerlang akan dilantik sebagai duta hijau MPSP***

Penanaman pokok di kawasan sekolah.

Memberi latihan kepada guru-guru agar dapat menerapkan isu-isu alam sekitar di dalam kurikulum harian pelajar.

Pengauditan berkenaan sisa-sisa buangan, penggunaan tenaga dan penggunaan air.

Kerja-kerja pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar.

Sokongan kepada sekolah untuk melengkapkan penyertaan projek Anugerah Hijau.

Pendidikan alam sekitar secara PERCUMA kepada sekolah yang telah menyertai pertandingan.

Bantuan dari segi idea untuk memasuki pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2019.

2. Penerima Anugerah akan dihadihkan seperti berikut :

1. Sekolah-sekolah Menengah

- a) Johan x 1
Wang tunai RM2000 + piala
- b) Naib Johan x 1
Wang tunai RM1600 + piala
- c) Anugerah Emas x 1
Wang tunai RM1000 + piala
- d) Anugerah Perak x 6
Wang tunai RM600 + piala
- e) Anugerah Gangsa x 6
Wang tunai RM300 + piala

2. Sekolah-Sekolah Rendah

- a) Johan x 1
Wang tunai RM2000 + piala
- b) Naib Johan x 1
Wang tunai RM1600 + piala
- c) Ketigan x 1
Wang tunai RM1200 + piala
- d) Anugerah Emas x 2
Wang tunai RM1000 + piala
- e) Anugerah Perak x 9
Wang tunai RM600 + piala
- f) Anugerah Gangsa x 9
Wang tunai RM300 + piala

3. Anugerah Khas Untuk Sekolah Menengah / Sekolah Rendah

- | | |
|-------------------------------|----------|
| a) Program sisa sifar | RM200.00 |
| b) Kebersihan dan penghijauan | RM200.00 |
| c) Inovasi dan kreativiti | RM200.00 |
| d) Penglibatan komuniti | RM200.00 |

4. Skema pemarkahan yang digunakan ialah sebagaimana berikut :-

- | | |
|--------------------------------------|-----------|
| 1. Kecakapan persembahan sumbar asli | 40 Markah |
| 2. Kebersihan dan Penghijauan | 20 Markah |
| 3. Program Inovasi dan kreativiti | 15 Markah |
| 4. Penglibatan komuniti | 15 Markah |
| 5. Persembahan | 10 Markah |

(2) Inovasi dan Kreativiti (15 markah)			
1	Program Keusahawan Adakah sekolah anda mempunyai rekod hasil dan jualan bagi produk tanaman dan produk <i>recycle/upcycle</i> yang dibuat oleh para pelajar?	Produk hijau - tanaman (1m) - jualan (1m) - rekod aktiviti (1m) Produk <i>upcycle/</i> <i>recycle</i> - penghasilan (1m) - jualan (1m) - rekod jualan (1m)	6
2	Program Kecekapan dan Pemuliharaan Sumber-sumber Adakah warga sekolah anda menghasilkan dan menggunakan barangan inovasi mereka dari sumber-sumber yang boleh digunakan?	- Penghasilan (3m) - Aplikasi/ Anugerah pencapaian (2m)	5
3	Adakah warga sekolah anda mempunyai program-program inovatif? Contoh: Sistem perkebunan bandar, air kolam ikan dan air wuduk untuk menyiram pokok	Ya/ Tidak	4
			15
(3) Kebersihan & Penghijauan (20 markah)			
1	Adakah kebersihan tandas terjaga? Petunjuk: label/ poster penjimatan tenaga/ air, tong sampah, sanitasi	Ya/ Tidak	3
2	Adakah kebersihan bilik darjah terjaga? Petunjuk: label/ poster penjimatan tenaga/ air, tong sampah, kebersihan	Ya/ Tidak	3
3	Adakah kebersihan pejabat terjaga?	Ya/ Tidak	2
4	Adakah tempat makan dan kantin bersih?	Ya/ Tidak	3
5	Adakah kebersihan sistem perparitan terjaga dan tidak berbau?	Ya/ Tidak	1
6	Adakah tumbuh-tumbuhan dalaman (<i>indoor</i>) ditempatkan di pejabat dan bilik darjah?	Ya/ Tidak	1
7	Adakah Taman Sains/ Herba/ tumbuh-tumbuhan ditanam dan dijaga dengan baik oleh para pelajar? Petunjuk: bilangan pokok, label nama am & nama saintifik	Ya/ Tidak	3
8	Adakah keadaan padang/ gelanggang permainan bersih dan selamat?	Ya/ Tidak	2
9	Adakah kebersihan kawasan dalam dan luar sekolah terjaga? Contoh: parit di sekitar luar sekolah	Ya/ Tidak	2
			20
(4) Penglibatan komuniti (15 markah)			
1	Adakah alumni sekolah/ organisasi/ PIBG memberi sumbangan bagi untuk menjayakan program Sekolah Hijau? Petunjuk: bukti (gambar/ resit/ penyata)	Ya/ Tidak	2
2	Adakah sekolah anda melibatkan alumni sekolah/ organisasi/ PIBG semasa menjalankan program-program sekolah hijau?	bukti (gambar/ resit/ penyata) (2m) - bilangan program (1m)	3
3	Adakah sekolah anda bekerjasama dengan agensi awam dan institusi swasta?	bukti (gambar/ resit/ penyata) (2m) rekod bilangan program (2m)	4
4	Adakah sekolah anda mengadakan program hijau di luar sekolah yang melibatkan masyarakat? Petunjuk: peralatan, bahan-bahan, kepakaran	Ya/ Tidak	2
5	Adakah sekolah anda memberikan pengiktirafan kepada komuniti/orang awam yang telah memberikan sumbangan?	Ya/ Tidak	2
6	Adakah amalan "mentor mentee" dipraktikkan semasa menjalankan program sekolah hijau di sekolah anda?	Ya/ Tidak	2
			15

B. Kecekapan Sumber Asli - Pemuliharaan dan Penjimatan Air (Program AQUA SAVE PBA)			
1	Adakah sekolah anda mempunyai sebarang perancangan untuk meneruskan, mengembangkan atau memperkasakan program pemuliharaan air yang sedia ada? Contoh: sistem penuaian air hujan atau penggunaan air semula dan kegunaannya atau usaha penjimatan air yang lain.	Ya/ Tidak	2
2	Adakah anda meletakkan papan tanda/ poster peringatan yang mencukupi untuk menggalakkan pelajar/ kakitangan sekolah untuk mengurangkan penggunaan air? Contoh: sekurang-kurangnya 2 tempat untuk paparan poster (tandas/ kantin)	Ya/ Tidak	2
3	Adakah sekolah anda mengawasi sistem bekalan air dan mempunyai polisi/ prosedur penyelenggaraan yang jelas? Contoh: Cara menghubungi pegawai bertanggungjawab (nama, no. tel) untuk melaporkan kebocoran paip dipaparkan bagi rujukan murid/ kakitangan sekolah.	Ya/ Tidak	2
4	Adakah sekolah anda memantau penggunaan air dan menetapkan sebarang sasaran? Contoh: Kadar penggunaan air dipaparkan di pejabat secara bulanan.	Ya/ Tidak	2
5	Adakah sekolah anda mempunyai jawatankuasa untuk memacu program pemuliharaan air? Contoh: Carta Jawatankuasa Sekolah Hijau, bahagian air.	Ya/ Tidak	1
6	Adakah warga sekolah anda sedar akan peranan dan sumbangan mereka terhadap program pemuliharaan air di sekolah? Contoh: Peringatan tentang kepentingan penjimatan air melalui perhimpunan.	Ya/ Tidak	1
			10
C. Kecekapan Sumber Asli – 3R			
1	Adakah sekolah anda mempunyai sudut simpanan barang kitar semula? Petunjuk: sekurang-kurangnya 1 tong kitar semula	Ya/ Tidak	2
2	Adakah sistem pengurusan sisa makanan/ kebun dilaksanakan dalam sekolah anda? Contoh: kompos untuk tanaman	Ya/ Tidak	2
3	Adakah sekolah anda mempunyai bekas kitar semula di bilik darjah?	Ya/ Tidak	1
4	Adakah sekolah anda mempunyai bekas kitar semula di pejabat (guru dan kakitangan)?	Ya/ Tidak	1
5	Adakah sekolah anda menyimpan rekod/ data kutipan sisa kitar semula? Petunjuk: rekod kutipan (sistematik), hasil jualan	Ya/ Tidak	3
6	Adakah sekolah anda menggunakan alat tulis kitar semula seberapa mampu yang boleh? Contoh: kertas, peralatan alat tulis 'refill'	Ya/ Tidak	1
7	Adakah sekolah anda menggalakkan penggunaan bekas makanan dan minuman yang boleh diguna semula? Contoh: Menggunakan/ membawa botol air/ gelas dan bekas makanan tersendiri	Ya/ Tidak	1
8	Adakah sekolah anda mempraktikkan "Tak Nak Plastik Sekali Guna" dan melarang penggunaan bekas makanan polisterin?	Ya/ Tidak (Pantau kantin dan koperasi)	2
9	Adakah terdapat sebarang papan tanda/ tempat peringatan di kawasan sekolah anda untuk menggalakkan pelajar dan kakitangan untuk kitar semula Contoh: poster berkaitan 3R	Ya/ Tidak	2
			15

1. Jadual Anugerah

- a) Tarikh tutup hantar sistem atas talian : 30-4-2019
b) Tarikh Penilaian panel : Ogos 2019
c) Tarikh penyampaian hadiah : Akhir Oktober 2019

Catatan: Semua sekolah harus menggunakan sistem e-pendaftaran bagi pendaftaran Anugerah Sekojak Hijau
(http://www.pgc.com.my/PSG_assessment/login.php)

2. Penerangan / Pertanyaan

Sebarang penerangan/pertanyaan, sila hubungi :-

1. Encik Chew Eng Seng

Tel No : 012 4779330
e-mail : eschew@mpsp.gov.my

atau menulis kepada :

Urusetia LA21

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Jalan Betek 14000 Bukit Mertajam

Cik Kim Tan

Tel No : 04-3819890
e-mail : kim.tan@continental-corporation.com

Cik Zalinah Yusof

Tel No : 04-3819127
e-mail : yusof.zalinah@continentalcorporation.com

Continental Automotive Components

Malaysia Sdn Bhd

2455, Mk 1 Tingkat Perusahaan 2A

Prai Industrial Estate, 13600 Prai

Penang, Malaysia.

ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2019

Peringkat Seberang Perai

Borang Penyertaan

Nama Sekolah	
Bilangan Murid	
Nombor Telefon Sekolah	
E-mail Sekolah	
Nama Guru:	
Nombor Telefon Guru :	1
	2
Alamat E-mail :	1
	2
Tandatangan Guru :	
Tandatangan Guru Besar :	
Tarikh :	
1. Nama Penerima 2. Nama Bank 3. No. Akaun (Sila kepilkan penyata akaun bank)	

• Untuk sebarang penerangan/pertanyaan, sila hubungi :-

- Encik Chew Eng Seng**
 Tel No : 012 4779330
 e-mail : eschew@mpsp.gov.my
- Cik Kim Tan**
 Tel No : 04-3819890
 e-mail : kim.tan@continental-corporation.com
- Cik Zalinah Yusof**
 Tel No : 04-3819127
 e-mail : yusof.zalinah@continentalcorporataion.com

	Senarai Soalan	Maklum balas	Markah
	(1) Kecekapan Sumber Asli (40 markah)		
	A. Penjimatan tenaga elektrik		
1	Adakah semua lampu, komputer, mesin fotostat dan peralatan lain dipadamkan ketika tidak digunakan? Contoh: Selepas waktu pejabat dan pada hujung minggu.	Ya/ Tidak	2
2	Adakah sekolah anda mempunyai sebarang program untuk menggalakkan warga sekolah supaya menjimatkan tenaga secara berterusan? Petunjuk: Minima 3 program (harian, mingguan atau bulanan).	Ya/ Tidak	1
3	Adakah sekolah anda memaparkan jadual/ rekod penggunaan tenaga yang lepas pada papan notis, melalui memo atau e-mel?	Ya/ Tidak	1
4	Adakah sekolah anda memantau penggunaan tenaga di sekolah? Petunjuk: Kadar penggunaan elektrik dipaparkan di pejabat secara bulanan.	Ya/ Tidak	2
5	Adakah sekolah anda mempunyai jadual pembersihan untuk peralatan lampu dan penghawa dingin bagi mengurangkan penggunaan tenaga? Petunjuk: jadual pembersihan mentol, lampu, penapis penghawa dingin.	Ya/ Tidak	2
6	Adakah sekolah anda mengekalkan suhu bilik di antara 23 ^o C-25 ^o C? Nota: Setiap peningkatan 1 ^o C boleh menjimatkan kira-kira 3% kos elektrik pada sistem pendingin udara. Petunjuk: Pantau perpustakaan & bilik guru.	Ya/ Tidak	1
7	Adakah sekolah anda mempunyai program untuk menggalakkan para ibubapa dan pemandu bas sekolah yang memandu supaya mematikan enjin semasa menunggu dalam kawasan sekolah bagi menjimatkan sumber asli dan menjaga kualiti udara? Petunjuk: Poster/ papan tanda/ Taklimat kepada pemandu bas dan ibubapa.	Ya/ Tidak	2
	Soalan Pilihan		11
1	Adakah sekolah anda membeli peralatan elektrik yang menjimatkan tenaga? Contoh: Peralatan yang mempunyai label kecekapan tenaga	Ya/ Tidak berkaitan	1
2	Adakah sekolah anda dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 10% lampu jimat tenaga? Contoh: lampu LED	Ya/ Tidak berkaitan	1
3	Adakah sistem penebat dipasang di pejabat sekolah anda? Contoh: kaca berwarna, dinding, bumbung	Ya/ Tidak berkaitan	1
4	Adakah sekolah anda mempunyai kenderaan milik sekolah? Sekiranya ada, sila sertakan rekod jumlah penggunaan bahan api bakar (liter) bagi kenderaan milik sekolah sahaja dari bulan Jan 2015 - Dis 2016	Ya/ Tidak berkaitan	1
			4